

Oktober 20, 2024

www.heraldmalaysia.com

Kerana kita sekarang mempunyai Imam Besar Agung yang telah melintasi semua langit, iaitu Yesus, Anak Tuhan, baiklah kita teguh berpegang pada pengakuan iman kita.

Sebab Imam Besar yang kita punya, bukanlah imam besar yang tidak dapat turut merasakan kelemahan-kelemahan kita, sebaliknya sama dengan kita, Dia telah dicubai, hanya tidak berbuat dosa.

Ibrani 4: 14-15

Kuasa iman kanak-kanak,

VATIKAN: Ketika konflik sedang berkecamuk di seluruh dunia, sejuta kanak-kanak telah “menyerbu” syurga dengan doa rosari. Pada Oktober 18 lalu, *Aid to the Church in Need* telah menganjurkan kempen tahunannya yang disertai oleh kanak-kanak di seluruh dunia.

Seiring dengan kemajuan Internet, acara besar “Sejuta Kanak-kanak Berdoa Rosario” ini turut disertai oleh keluarga, paroki, katekis dan guru pembimbing untuk berdoa rosari bagi keamanan dunia di laman web khusus ACN, millionchildrenpraying.org.

ACN, sebuah yayasan amal ditubuhkan pada 1947 telah bekerja di bawah bimbingan Sri Paus untuk memberikan bantuan pastoral dan kemanusiaan kepada umat Katolik yang teraniaya, menguruskan 5,000 projek di lebih 145 buah negara.

Acara “Sejuta Kanak-kanak Berdoa Rosario”, mendedikasikan usaha kanak-kanak sebagai pendoa dan pengantara bagi keamanan serta perpaduan.

“Terdapat begitu banyak tempat tercetusnya konflik di dunia,” kata Edward Clancy, pengarah ACN yang berpangkalan di Amerika Syarikat.

“Sesungguhnya, inilah masa bagi Gereja untuk bersatu dan kita perlu berdoa untuk keamanan. Inilah dua prinsip teras kempen berdoa rosari.”

Lebih daripada 120 konflik bersenjata — termasuk perang Israel-Hamas yang semakin merebak dan perang 10 tahun Rusia ke atas Ukraine — sedang berlaku di seluruh dunia, melibatkan lebih 60 buah negara dan 120 kumpulan bersenjata bukan kerajaan, demikian menurut Jawatankuasa Antara-bangsa Palang Merah, yang menyediakan bantuan kemanusiaan dan mempromosikan undang-undang yang melindungi mangsa perang.

Sejak kempen doa bermula pada tahun 2005, ACN telah menawarkan doa rosari setiap Oktober 18, sempena pesta Santo Lukas, pengarang Injil yang menulis beberapa petikan menampilkan Santa Perawan Maria.

Edward menyatakan bahawa pada tahun ini, tarikh itu jatuh pada hari Jumaat, maka



berdoa untuk keamanan

sejuta kanak-kanak mendoakan Misterium Sedih, yang mengisahkan kesengsaraan dan kematian Kristus — dan kebetulannya adalah peristiwa yang memilukan “terutama dengan kejadian banyak peperangan yang sedang berlaku di dunia.”

“Misterium Sedih yang memilukan ini tepat dilakukan pada masa sekarang, seiring dengan seruan Sri Paus Fransiskus yang sering melaungkan damai untuk negara-negara yang sedang berkonflik pada masa ini,” kata Edward.

Kempen berdoa rosari ACN, yang kini bekerjasama dengan *Shrine of Fatima*, Jaringan Doa Seluruh Dunia Sri Paus dan *World Apostolate of Fatima*.

Kempen ini bermula pada 2005 di Venezuela, semasa negara itu berada di bawah kawalan pemimpin zalm Hugo Chavez.

Ketika itu, beberapa orang wanita dan

sekumpulan kanak-kanak dilihat berdoa rosari di sebuah *shrine* di Caracas, Venezuela. Mereka memulakan kempen doa rosari yang diilhamkan oleh nasihat popular Sto Pio dari Pietrelcina, “Apabila sejuta kanak-kanak berdoa rosari, dunia akan berubah.”

Sejak itu, kempen itu tersebar dengan pantas dan menjadi fenomena di seluruh dunia.

Matlamat kempen doa ialah untuk memohon keamanan dan perpaduan di seluruh dunia, sambil menggalakkan kanak-kanak dan orang muda untuk percaya kepada Tuhan semasa menghadapi kesukaran.

“Kami sangat gembira dengan sambutan kempen doa ini. Kanak-kanak di seluruh dunia berkumpul untuk berdoa untuk keamanan, walaupun di negara yang sedang berperang,” kata Regina Lynch, presiden eksekutif ACN.

Melalui laman web ada kanak-kanak yang menyertai dari negara-negara di mana orang

Kristian adalah kumpulan minoriti, seperti Arab Saudi, Oman, Qatar, dan Azerbaijan. Kanak-kanak dari negara-negara Asia di mana orang Kristian tidak mempunyai kehidupan yang mudah, seperti Laos, Bhutan dan Myanmar, turut berbesar hati menyertai acara ini, menunjukkan harapan mereka untuk dunia yang aman.

Kanak-kanak secara unik, layak untuk menjadi pendoa syafaat bagi dunia, kata Edward, yang merujuk kepada “kepolosan dan keikhlasan doa kanak-kanak, menjadikan doa yang dilafazkan oleh mereka, jauh lebih berkesan serta mujarab,” katanya.

“Santa Perawan Maria ialah seorang ibu. Dan apa yang Yesus katakan tentang kanak-kanak? Dia bersabda, “Bawalah anak-anak itu kepada-Ku” (Mat 19:14, Mrk 10:14, Luk 18:16). Ini menunjukkan keupayaan dan harapan kanak-kanak dalam mengatasi banyak perkara.” **Berita OSV/ACN**

Keganasan terhadap wanita umpama “rumpai beracun” dalam masyarakat

VATIKAN: “Bagi masyarakat yang adil untuk berkembang maju, adalah penting untuk memajukan dan mengiktiraf kapasiti wanita dengan memerangi semua stereotaip berbahaya yang menafikan peluang mereka,” kata Pemerhati Tetap Takhta Suci kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, ketika berucap pada Sesi yang didedikasikan untuk Kemajuan Wanita.

Uskup Agung Gabriele Caccia menyampaikan ucapannya pada Oktober 8, semasa Jawatankuasa Ketiga Sesi ke-79, Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Memetik kata daripada Sri Paus Fransiskus, Uskup Agung Gabriele menyifatkan keganasan rumah tangga sebagai “rumpai beracun” yang melanda masyarakat kita dan mesti dicabut dari akarnya” dan prelatus itu menyeru tindak balas kolaboratif bagi menangani keganasan rumah tangga, yang sering tidak dilaporkan.

Uskup Agung menekankan bahawa menangani punca seperti kemiskinan dan kekurangan pendidikan yang sewajarnya, akan membantu mengurangkan penderaan wanita dan kanak-kanak perempuan, menggalakkan pemerdagangan untuk ek-

sploitasi seksual dan menghapuskan pelbagai bentuk layanan yang tidak berperikemanusiaan serta merendahkan martabat wanita.

“Kemajuan wanita tidak boleh dicapai sepenuhnya tanpa menghormati kapasiti unik wanita,” katanya.

Komitmen yang diperbaharui, katanya, adalah penting untuk mengurangkan kematian ibu dan melengkapkan klinik dengan secukupnya, terutamanya di kawasan di mana wanita menghadapi kemiskinan.

Komitmen yang diperbaharui, katanya, adalah penting untuk mengurangkan kematian ibu dan melengkapkan klinik dengan

secukupnya, terutamanya di kawasan di mana wanita menghadapi kemiskinan.

Uskup Agung Caccia menganggap surrogacy (ibu tumpang) sebagai satu bentuk eksplorasi yang membimbangkan, menegaskan bahawa ia membawa kepada “pengkomersilan yang tidak boleh diterima bagi keibuan wanita.”

Dalam mengakhiri ucapannya, Uskup Agung Caccia menekankan kepentingan pendidikan sebagai faktor penting dalam memperkasakan wanita demi mengembangkan bakat dan merealisasikan potensi mereka dalam masyarakat. **Media Vatikan**

Pelarian, pendatang dan Yesus

Di mana-mana sempadan di dunia hari ini, kita menemui berjuta-juta. Mereka mudah digoda, dilihat sebagai gangguan, dianggap sebagai ancaman, sebagai penceroboh, sebagai penjenayah yang melarikan diri dari keadilan di tanah air mereka.

Tetapi kebanyakannya mereka adalah orang yang baik dan jujur yang melarikan diri dari kemiskinan, kelaparan, penganiayaan dan keganasan.

Dan sebab-sebab mengapa mereka melarikan diri dari tanah air mereka, menunjukkan bahawa kebanyakannya mereka bukan penjenayah.

Tanpa mempedulikan fakta bahawa kebanyakannya mereka adalah orang yang baik, mereka masih dianggap dan dilihat sebagai "masalah" di mana-mana. Kita perlu menghalang mereka! Mereka adalah ancaman! Sesungguhnya, ahli politik sering menggunakan kata kerja "penceroboh" untuk menggambarkan kehadiran mereka di sempadan kita.

Apa yang hendak dikatakan tentang ini? Adakah kita hanya membiarkan semua pendatang ini memasuki sempadan kita? Adakah kita boleh memilih, membiarkan sebahagian masuk dan menghalang yang lain? Adakah kita memasang dinding dan kawat berduri untuk menghalang kemasukan mereka? Apakah jawapan kita? Soalan-soalan ini perlu dikaji dari dua perspektif: secara pragmatik dan alkitabiah.

Secara pragmatik ini ialah isu besar. Kita tidak boleh begitu sahaja membuka semua sempadan dan membiarkan berjuta-juta orang membanjiri negara kita. Itu tidak realistik.

Mungkin keengganannya kita ini berlawanan dengan seruan Kitab Suci atau Yesus kerana kita memiliki rasa rasional naif bahawa negara "kita" adalah milik kita dan kita mempunyai hak untuk berada di sini bukan mereka, kecuali kita memberi kebenaran untuk pelarian ini memasuki negara kita. Mengapa tidak?

Bagi orang Kristian, terdapat beberapa prinsip Kitab Suci yang tidak boleh kita abaikan.

Pertama, Tuhan menciptakan dunia untuk semua orang. Kami ialah penjaga harta bukan pemilik harta.

Kita tidak memiliki apa-apa, Tuhan ialah Pemilik dan Tuhan menjadikan dunia ini untuk semua orang. Itulah prinsip yang selalu kita abaikan apabila kita muah menghalang pendatang daripada memasuki negara "kita".

Kebetulan, kita ialah penjaga di suatu tempat di bumi ini, di negara yang dimiliki oleh seluruh dunia.

Kedua, dalam mana-mana bahagian Kitab Suci, dalam Perjanjian Lama dan Baru, jelas (dan kuat) mencabar kita untuk menyambut orang asing dan pendatang. Ini juga terdapat di mana-mana dalam kitab Yahudi dan ia merupakan pesan kuat Yesus.

Sesungguhnya, Yesus memulakan pelayanan-Nya dengan menyatakan kepada kita bahawa Dia datang untuk membawa berita baik kepada orang miskin.

Oleh itu, apa-apa pengajaran, khutbah, amalan pastoral, dasar politik atau tindakan yang bukan berita baik bagi orang miskin, bukanlah Injil Yesus Kristus. Dan, jika itu bukan berita baik untuk orang miskin, ia mungkin tidak menghubungkan dirinya dengan Injil atau dengan Yesus.

Oleh itu, sebarang keputusan yang kita buat terhadap pelarian dan pendatang seharusnya tidak bertentangan dengan fakta bahawa Injil adalah tentang membawa berita baik kepada orang miskin.

Lebih-lebih lagi, Yesus menyatakan ini lebih jelas bahawa menerima orang miskin adalah sama dengan menerima diri-Nya sendiri (Apa sahaja yang kamu lakukan kepada yang paling kecil dari umat-Ku, kamu melakukannya untuk Aku) dan memberitahu kita bahawa pada penghujung hari, kita akan dihakimi dengan cara sama kita memperlakukan pendatang dan pelarian (kamu meninggalkan Aku kerana Aku orang asing dan anda tidak menyambut Aku). Terdapat beberapa teks dalam kitab suci yang terang-terangan mencabar seperti ini (Matius 25, 35-40).

Akhirnya, kita juga mendapat cabaran



Apakah sikap kita terhadap para pelarian, orang asing, pendatang yang sedang berlindung di sempadan negara kita?

Tuhan untuk mengalu-alukan orang asing (pendatang) dan berkongsi kasih sayang, makanan, dan pakaian kita dengan mereka kerana kita sendiri pernah menjadi pendatang (Ulangan 10, 18-19).

Dan ini bukanlah perumpamaan alkabibah yang abstrak, terutamanya bagi orang-orang yang tinggal di Amerika Utara. Kecuali negara-negara Orang Asli (yang kita paksa mereka keluar) kita semua pendatang di sini dan dicabar oleh kepercayaan kita untuk tidak melupakan perkara ini, lebih-lebih lagi apabila berhadapan dengan orang yang kelaparan di sempadan kita.

Sudah tentu, kita yang telah berada di sini sejak beberapa generasi boleh berkata bahawa kita telah lama berada di sini dan bukan lagi pendatang. Tetapi, ini nampaknya sangat mementingkan diri sendiri, di mana kita menutup sempadan sedangkan kita berdiri di atas tanah yang dahulunya adalah penempatan orang lain.

Ini adalah cabaran-cabaran Kitab Suci. Walau bagaimanapun, kita masih ada soalan-soalan praktikal; apakah yang dapat kita lakukan dengan berjuta-juta lelaki,

wanita dan kanak-kanak yang tiba di sempadan kita?

Bagaimanakah kita menghormati hakikat bahawa tanah yang kita diami adalah milik semua orang? Bagaimanakah kita menghormati hakikat bahawa, sebagai orang Kristian, kita perlu memikirkan terlebih dahulu tentang orang miskin?

Bagaimanakah kita akan menghadapi Yesus dalam penghakiman terakhir apabila Dia bertanya, mengapa kita tidak menyambut-Nya ketika Dia menyamar sebagai pelarian?

Dan bagaimana kita menghormati hakikat bahawa hampir setiap daripada kita adalah pendatang, tinggal di negara yang kita ambil secara paksa daripada orang lain?

Tiada jawapan yang mudah! Tetapi kita masih perlu membuat beberapa keputusan politik yang praktikal. Walau bagaimanapun, dalam pragmatisme kita, dalam meyelesaikan masalah ini, kita tidak boleh mengabaikan apa yang dikatakan oleh Kitab Suci dan Yesus. — **Hakcipta Terpelihara 1999-2024 @ Fr Ron Rolheiser**

Kuasa: Kekuatan untuk membantu orang lain

Bentapa indah dan mengagumkan petikan Surat kepada orang Ibrani pada hari Minggu ini. Ditegaskan bahawa kita tidak memiliki seorang Imam Agung yang tidak merasai kelemahan-kelemahan kita.

Sebaliknya Dia sama dengan kita. Dia turut dicubai, mengalami rintangan luar biasa, namun tidak berdosa.

Dia rela menanggung penghinaan dan penderitaan, bahkan mati di kayu salib, - semua itu bertujuan untuk menyelamatkan kita.

Dia memasuki nasib kita, agar kita bersama Dia dapat diangkat kembali menjadi ahli waris syurgawi.

Sudah sampai tiga kali dalam perjalanan-Nya ke Yerusalem, Yesus mengatakan kepada murid-murid-Nya, bahawa Dia akan menderita dan mati dalam melaksanakan tugas-Nya sebagai Almasih.

Namun mereka tidak memahami apa yang ditegaskan Yesus itu. Bahkan dua murid-Nya, Yakobus dan Yohanes, yang didampingi oleh ibu mereka, tanpa segan silu, meminta kedudukan terhormat di samping-Nya.

Latar belakang pandangan dan cara berfikir mereka tentang Kerajaan Tuhan san-

gat bersifat duniawi: materialistik dan egoistik.

Padahal Kerajaan yang akan dibangun Yesus bukan daripada dunia ini, seperti difikirkan oleh Yakobus dan Yohanes, murid-murid lain dan mungkin merupakan fikiran atau gambaran kita! Mereka merindukan kedudukan mulia, terhormat, berkuasa.

Dalam Injil hari ini Yesus menerangkan apa sebenarnya Kerajaan Tuhan itu, yang disebut "berkuasa" atau "memiliki kuasa".

Sudah lazim bagi seseorang manusia yang berpendapat, berkuasa bererti memiliki kuasa atau kekuatan untuk memaksa orang lain melakukan kehendaknya atau melayaninya.

Orang lain diperintah sebagai hamba, dipaksa dan menganggap kedudukannya lebih tinggi daripada orang lain.

Menghadapi sikap banyak orang seperti itu, Yesus berkata: "Tetapi janganlah kamu berbuat demikian di antara kamu. Sesiapa ingin menjadi besar di antara kamu, hendaklah dia menjadi pelayanmu" (Mrk 10: 43).

Yesus ingin menerangkan apa sebenarnya yang disebut kuasa dalam Kerajaan

Tuhan. Berkuastra dalam Kerajaan Tuhan bukan bererti memiliki kekuatan untuk menguasai dan mengalahkan orang lain untuk kepentingannya sendiri.

Berkuastra atau memiliki kuasa bererti memiliki kemahuan dan kesedaaan untuk memberikan dan membangun kekuatan untuk orang lain.

Kekuasaan bukan memanfaatkan, merasakan daya dan kemampuan sebaliknya menghidupkan dan menambah daya hidup sesama kita yang berkekurangan supaya dapat hidup damai sejahtera.

Berkuastra bererti memiliki dan menggunakan kemampuan diri untuk ikut memberikan sumber hidup kepada orang lain.

Kita sebagai orang Kristian, telah menerima daya hidup yang berlimpah dari Yesus Penyelamat kita.

Seperti para rasul dahulu, sebagai murid-murid Yesus pada masa kini, kita juga dipanggil untuk melaksanakan kuasa-Nya itu.

Kita dipanggil ikut "berkuasa" iaitu memberikan daya hidup kepada sesama kita, secara rela dan percuma, bukan minta dibayar.

Kuasa ini dapat kita lihat dan fahami maknanya dalam Ekaristi. Dalam Ekaristi

**HARI MINGGU
BIASA KE-29**

TAHUN B

YESAYA 53:10-11

IBRANI 4:14-16

INJIL MARKUS 10:35-45

kita menemukan pelaksanaan kuasa sejati yang asli dan murni. Ekaristi bukanlah kuasa untuk melemahkan dan merosakkan hidup orang lain, melainkan menguatkan dan membangun daya hidupnya.

Dalam Ekaristi, Yesus yang memiliki kuasa ilahi sepenuhnya merendahkan diri menjadi makanan sebagai sumber hidup kita yang berlimpah.

Dalam Ekaristi terbukti, bahawa kerendahan hati dan kesediaan melayani keperluan lain, — itulah perwujudan kebesaran dan kemuliaan kasih sejati dalam Kerajaan Tuhan.

Demikianlah pesan Injil hari ini kepada kita: berkuasa bukan bererti memerintah, melainkan melayani.

Kita menerima Yesus dalam Ekaristi bukan hanya untuk kepentingan diri kita sendiri, tetapi agar kita semakin rela melayani sesama kita. **Msgr F.X. Hadisumarta O.Carm.**

Hari Minggu Kateketikal diubah ke bulan Ogos

Umat Tuhan yang dikasihi,

Semasa kita meneruskan perjalanan memupuk iman dalam komuniti kita, saya ingin berkongsi dengan anda satu pengumuman penting mengenai pelarasan perayaan Hari Minggu Kateketikal kita.

Selepas beberapa pertimbangan dan doa bersama-sama dengan Komisi Kateketikal Malaysia, Konferensi Uskup-uskup Katolik telah mengesahkan cadangan untuk merayakan Hari Minggu Kateketikal pada hari Minggu pertama bulan Ogos, bukan lagi hari Minggu terakhir bulan Januari, seperti kebiasaan kita.

Dengan beralih ke bulan Ogos, kita percaya ia akan membolehkan kita lebih banyak ruang bernafas untuk pelbagai pro-



gram di keuskupan dan paroki kita serta memberi tumpuan yang lebih pada karya katekesis kita.

Semasa kita beralih kepada jadual baharu ini, saya menggalakkan semua umat untuk menerima perubahan ini sebagai peluang bagi menguatkan usaha kita dalam memupuk iman komuniti kita.

Tambahan pula, apabila hari Minggu Kateketikal disambut pada Minggu pertama bulan Ogos, dedikasi terhadap katekesis boleh diperluaskan untuk keseluruhannya mengikut budi bicara dari pada Uskup tempatan.

Selain itu, pentaulahan katekis boleh dilakukan pada awal tahun, atau pada bulan Ogos. Ini juga hendaklah mengikut budi bicara daripada Uskup tempatan,



mengikut keperluan keuskupan.

Kelonggaran ini akan membolehkan setiap keuskupan mencari masa yang paling sesuai untuk acara penting ini.

Bagi pihak Uskup-uskup Malaysia, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ibu bapa, penjaga, katekis dan para derita kita.

Terima kasih atas karya kasih kalian dalam pelayanan katekesis yang penting ini. Saya mengajak anda untuk terus berjalan bersama, untuk membina asas kukuh

demi masa depan kita.

Semoga Tuhan memberkati kita berlimpah ruah dan memberikan kita rahmat serta kebijaksanaan dalam misi kita.

Dalam Kristus,

+Rt Rev Joseph Hii Teck Kwong, D.D.
Presiden Episkopal Komisi Kateketikal
Malaysia
Oktober 7, 2024

Tamu Solidariti paroki KSFX kali ke-20

TATAL, Keningau: "Pada suatu ketika dulu, apabila saya ingin menyampaikan maklumat tentang pelayanan kepada para katekis dan pemimpin awam, kami akan bertemu di tamu (pasar tradisional).

Di tamu, kami saling bertanya khabar dan perlahan-lahan mengeratkan persahabatan.

Maka, tradisi mengadakan tamu ini sangat digalakkan untuk dikekalkan," kata Uskup Cornelius Piong semasa memimpin Misa Hari Minggu Biasa ke-27, Oktober 6 lalu sebelum bertolak ke Dataran Kekitaan, untuk merasmikan Tamu Solidariti, paroki Katedral St Francis Xavier kali ke-20.

Sekitar pukul 9.00 pagi, Uskup Cornelius tiba di perkarangan Dataran Kekitaan, disambut dengan paluan gong dan tarian Sumazau. Pengerusi Penganjur Tamu Solidariti ke-20, Sdra Frankie Felix bersama Pengerusi Majlis Pastoral Paroki KSFX, Sdri Nancy Nelly mengiringi Bapa Uskup untuk masuk ke Dewan Kekitaan Tatal.



Acara dimulakan dengan sesi-sesi ucapan. Dalam ucapannya, Uskup Cornelius menyampaikan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penganjuran Tamu Solidariti yang telah menjadi acara tahunan paroki.

Gimik perasmian disempurnakan oleh Bapa Uskup dengan mengunting riben dan

paluan gong sebanyak tujuh kali sebagai simbolik berlangsungnya sebuah keramahan.

Selepas itu, Uskup Cornelius mengadakan lawatan singkat lebih kurang 40 buah gerai yang diusahakan oleh Zon, Komuniti Umat Katolik dan Komuniti Kristian Dasar yang bernaung di bawah paroki KSFX.



Bukan mudah menganjurkan tamu ber skala besar. Kejayaannya bergantung kepada kesatuan dan kerjasama dalam komuniti Gereja. Juanis Marcus



Tanya Jawab
Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur
Tel: 03-2026 8291
E-Mel:
liza@herald.com.my

Makna "penjala manusia"

Biasanya, ungkapan luar biasa dalam Perjanjian Baru, berasal daripada metafora atau gambaran dari Perjanjian Lama atau Kitab Suci Yahudi kuno. Ketika Yesus mengungkapkan kata "penjala manusia", Yesus sedang merujuk kepada nubuat Yeremia yang jarang kita Dengarkan dalam bacaan Misa.

Dalam Yeremia 16:14-16, Nabi Yeremia yang hidup di abad ke-6 SM, atau sekitar 500 tahun sebelum kelahiran Yesus, waktu puncak kehancuran Bait Tuhan di Yerusalem, Nabi Yeremia berkata bahwa suatu hari orang banyak akan melupakan pembebasan (eksodus) dari Mesir.

Nabi Yeremia mengatakan, pada masa akan datang, orang banyak akan membicarakan tentang Keluaran baharu (*new Exodus*), di mana Tuhan tidak hanya akan menyelamatkan umat-Nya dari Mesir, tetapi juga akan mengumpulkan anak-anak-Nya dari seluruh bangsa bukan Yahudi, dari seluruh bangsa tempat di mana mereka tersebar selepas pembuangan Asyur pada tahun 722 SM.

Maka Tuhan akan membawa mereka kembali dan dalam nubuat itu, Yeremia menggunakan "penangkap ikan" atau "nelayan".

Yeremia 16:14-16 menerangkannya seperti berikut: "Sebab itu, demikianlah firman TUHAN, sesungguhnya, waktunya akan datang,

bahawa tidak dikatakan orang lagi: Demi TUHAN yang hidup yang menuntun orang Israel keluar dari tanah Mesir!, melainkan: Demi TUHAN yang hidup yang menuntun orang Israel keluar dari tanah utara dan dari segala negeri ke mana Dia telah mencera-i-beraikan mereka!

Sebab Aku akan membawa mereka pulang ke tanah yang telah Ku berikan kepada nenek moyang mereka.

Sesungguhnya, Aku menyuruh banyak penangkap ikan, demikianlah firman TUHAN, yang akan menangkap mereka, sesudah itu Aku mahu menyuruh banyak pemburu yang akan memburu mereka dari atas segala gunung dan dari atas segala bukit dan dari celah-celah bukit batu.

Yeremia mengatakan bahawa akan ada pembebasan (eksodus) pada masa akan datang, namun dalam eksodus ini, Tuhan hendak mengumpulkan umat-Nya dari segala bangsa di seluruh dunia. Tuhan mengutus orang-orang tertentu yang berperanan sebagai nelayan iaitu "menangkap" umat Tuhan, agar kembali kepada Tuhan.

Inilah nubuat eksodus baharu yang menjadi salah satu harapan utama orang Yahudi pada zaman Yesus.

Harapan orang Yahudi ialah Tuhan akan menyelamatkan umat-Nya pada masa depan dan Dia akan melakukan sesuatu yang mirip seperti

yang pernah dilakukan-Nya pada waktu eksodus dari Mesir, tetapi dengan cara yang lebih universal, bukan hanya menyelamatkan satu bangsa melainkan semua bangsa di dunia.

Jadi dalam konteks itulah Yesus datang kepada Simon, Andreas, Yakobus dan Yohanes dan berkata kepada mereka, "Ikutlah Aku." Kemudian mereka meninggalkan jalanya dan mulai mengikuti Yesus, kemudian Yesus berkata bahawa mereka akan dijadikan penjala manusia.

Mungkin kita masih mengingati tentang suku-suku Israel yang hilang akibat diserang oleh orang-orang Asyur.

Maka 10 suku dari 12 suku Israel berselerakan dan nubuat nabi mengatakan, suatu hari nanti, 12 suku itu akan dikumpulkan kembali. Orang Yahudi pada zaman itu bertanya, berkata, bagaimana hal boleh terjadi kerana suku-suku yang hilang itu sudah tidak dapat dikesan, dan bercampur dengan orang bukan Yahudi.


Maka di sini, Yesus mengambil langkah pertama, memanggil empat orang pertama dari 12 rasul untuk menjadi penjala manusia.

Ertinya, Yesus hendak membentuk Israel yang baharu, yang akan memulai eksodus baharu, membawa ramai orang kembali kepada Tuhan.

Catholic Answers

Sahabat Kecil Yesus

Bantu kanak-kanak di bawah untuk datang kepada Yesus. Jangan lupa mencecah buah-buah Roh Kudus yang ada sepanjang perjalanan itu.



Ada beberapa kata pada gambar di bawah, kehilangan suku kata. Cari suku kata yang betul untuk membaca pesan penuh Yesus.

Anak nusia juga tang kan untuk dilayani, melainkan untuk layani dan tuk berikan nyawa-Nya menjadi busan bagi banyak orang.

(Markus 10:45)

un

te

ma

da

mem
me

bu

Hello adik-adik,

Apa khabar? Pada Hari Minggu ini, Oktober 20, ialah Hari Minggu Misi Sedunia. Biasanya pada hari Minggu ini, ada kolekte khas. Dermalah seikhlasnya.

Mungkin, adik-adik tertanya-tanya, untuk apa kolekte itu? Kolekte ini menyokong karya-karya misi di seluruh dunia.

Oleh sebab itu, jika adik-adik menderma untuk kolekte hari Minggu Misi, bermakna adik-adik turut sama dengan

Sri Paus Fransiskus, menyokong dan membantu mereka yang memerlukan.

Selain itu, bantuan adik-adik juga dapat membantu kanak-kanak yang tidak bernasib baik, yang mungkin pada ketika ini kelaparan atau sakit kerana bencana.

Sempena Hari Minggu Misi ini juga, mari kita mendoakan para misionari yang sedang menjalankan misi tempat-tempat yang miskin, mengalami bencana dan konflik.

Salam Sayang
Antie Melly

Tema Hari Minggu Misi Oktober 20, 2024
Pergi dan Undanglah Semua Orang ke Perjamuan Itu

Cari TUJUH perbezaan pada gambar di bawah.



BELIA

JANGAN HILANG SUKACITA MU!



Sebahagian peserta Madrid Live Meeting bersama Uskup Agung Madrid, José Cobo

TAKHTA SUCI: "Biarlah Tuhan memenuhi kamu dengan sukacita!" Ini adalah cadangan dari hati yang ditekankan oleh Sri Paus Fransiskus dalam pesan video yang dihantar kepada kaum muda di Keuskupan Agung Madrid yang mengambil bahagian dalam "Madrid Live Meeting 2024" dengan tema, "Bersukacita dalam Harapan" sebagai persediaan untuk Tahun Jubli Harapan 2025.

Bapa Suci menyatakan kedekatannya terhadap para peserta dan doanya sentiasa menyertai mereka

Dalam video itu, Bapa Suci mengingatkan golongan

muda supaya berani dan bergerak ke hadapan serta mengingatkan mereka agar tidak kehilangan momentum dan mudah mengundurkan diri dalam pelayanan.

Pelajaran berharga daripada warga tua

Bapa Suci menggalakkan kaum muda untuk sentiasa dekat dan belajar daripada kebijaksanaan orang tua. "Berdialoglah dengan mereka kerana mereka ialah orang-orang yang bijaksana. Dan biarkan mereka mendengar kamu juga, jangan putuskan akar bangsa mu," katanya.

"Pokok yang memotong akarnya tidak akan mempun-

yai nutrisi. Berpeganglah pada "akar" anda secara kreatif. Anak muda yang tidak kreatif, tidak akan mempunyai kehidupan mereka umpama pokok yang kehilangan nutrisi."

Tuhan memberi anda sukacita

Bapa Suci mengakhiri pesan video itu dengan menggesa kaum muda untuk tidak kehilangan kegembiraan mereka. "Semoga Tuhan memenuhi kamu dengan sukacita," doa Sri Paus Fransiskus, sebelum memberikan mereka Berkat Apostoliknya dan mengharapkan mereka mengingatinya dalam doa mereka. **Media Vatikan**

Belia belajar Bahasa Tuhan

PETALING JAYA: Gereja St Francis Xavier (SFX) mengalu-alukan belia di Keuskupan Agung Kuala Lumpur untuk menyertai retret tiga hari bertema, "Belajar Bahasa Tuhan."

Dianjurkan SFX Lifeline Young Adults dan dipimpin oleh Fr Hung Pham SJ, seorang Yesuit Amerika dari St Louis, Amerika Syarikat, retret itu dianjurkan bagi membantu belia lebih memahami peribadi mereka dan mengukuhkan hubungan mereka dengan Tuhan melalui kerohanian Ignatian.

Retret dimulakan dengan Walk of Faith, di mana peserta secara berpasangan, seorang pemandu dan seorang lagi ditutup mata, melambangkan kepercayaan dan berserah kepada bimbingan Tuhan.

Menurut Fr Hung, aktiviti itu mencerminkan perjalanan iman kita, memupuk rasa pas-

rah kepada kepimpinan Ilahi.

Pada hari kedua, Fr Hung berkongsi kisah "Perumpamaan seorang Penabur" yang membawa peserta melihat kekurangan mereka sambil menggalakkan mereka mengenali detik kegembiraan dan kejayaan.

Pada sebelah malam, para peserta menyertai Misa penyembuhan di mana mereka diurapi dengan minyak suci.

Misa Kudus penutup dipimpin oleh Fr Hung. Dalam homilinya, paderi itu mengajak para peserta untuk mengenal pasti cabaran yang menghalang pertumbuhan iman mereka.

Melalui doa, aktiviti dan perkongsian, retret "Belajar Bahasa Tuhan" telah menawarkan peserta pengalaman Kerohanian Ignatian yang mendalam.



Jangan biarkan sesiapa menghina mu kerana usiamu yang muda

BAU, Sarawak: Buat julung kalinya, para seminarian dari Kolej Seminari Sto Petrus, Kuching telah menganjurkan Kem Belia St Gonzalo Gracia Padang Pan, yang menghimpunkan 35 orang belia.

Objektif utama Kem Belia ini ialah untuk mengukuhkan hubungan baik dalam kalangan belia dan membantu kaum muda mendekatkan diri kepada Yesus.

Ceramah pertama bertajuk 'Panggilan: Menemui Rancangan Tuhan untuk Anda' telah disampaikan oleh Seminarian Lordkennylister.

Sesi ini mengajak para peserta untuk mengenali diri, memahami hala tuju hidup mereka dan menekankan aspek tentang panggilan hidup.

Selepas ceramah, para peserta

berkumpul di luar Gereja untuk aktiviti permainan yang berunsurkan komuniti, mengasah kreativiti belia dan memupuk sikap bekerjasama.

Disebabkan keadaan cuaca yang tidak baik, program "Malam Unggun Api" dibatalkan dan digantikan dengan upacara Ibadat Jalan Salib.

Para belia diajak untuk berdoa Jalan Salib secara peribadi dan menghayati pengorbanan Yesus Kristus dalam karya penebusan dosa.

Para peserta turut mengambil bahagian dalam upacara menyalaikan lilin dan berdoa di bawah kaki kayu salib.

Hari kedua program dimulai dengan Ibadat Pagi, disusuli ceramah kedua "Penginjilan: Berkongsi Iman" oleh Seminarian Melvin Dawson.

Dalam ceramah ini, para peserta

diseru untuk lebih giat mewartakan Berita Baik dan berkongsi iman mereka.

Para belia turut diajar cara mudah untuk berdoa agar sentiasa dapat berdoa di mana sahaja mereka berada.

Kem Belia ini diakhiri dengan aktiviti permainan dan makan tengah hari.

Paderi Paroki St Stephen, Bau, Fr Peter Liston, memberi sokongan kepada para seminarian menganjurkan program ini dengan bantuan komuniti St Gonzalo, yang menyediakan peresiduan logistik dan makanan.

Kem ini mencerminkan iman, semangat dan dedikasi belia Katolik Bau, yang mengharapkan agar lebih banyak lagi program pembangunan iman dianjurkan bagi belia Katolik di sini. **Seminarian Lordkennylister P James**





Coret coret Sinode 2024

1. Liturgi Tobat

Sinode sesi kedua secara rasmi dibuka pada Oktober 2, 2024 dengan Misa kepausan.

Sebelum itu, diadakan liturgi tobat pada Oktober 1, di Basilika Santo Petrus.

Dengan dipimpin oleh Paus Fransiskus, liturgi tobat merangkumi tiga kesaksian, termasuk kesaksian dari mangsa

gangguan seksual yang dilakukan oleh seorang paderi.

Liturgi tobat itu mengakhiri retret dua hari bagi para delegasi sinode. Pertemuan sinode tahun lalu didahului dengan doa ekumenis. Pada tahun ini, kebaktian doa ekumenis diadakan pada Oktober 11, bertepatan dengan peringatan 62 tahun pembukaan Konsili Vatikan Kedua.

2. Topik-topik kontroversi

Topik-topik panas seperti pentahbisan perempuan menjadi diakon, paderi yang sudah menikah dan pelayanan kepada golongan LGBT.

Namun isu-isu ini telah dipindahkan dari kumpulan meja bulan Sinode ke kumpulan khas teologi.

Para delegasi berharap untuk menerima laporan kemajuan dari kumpulan khas teologi ini

pada bulan Jun.

Salah satu topik yang diharapkan untuk dibahas – secara formal atau informal – adalah "Fiducia Suplicans" yang diterbitkan pada Disember tahun lalu, sebuah panduan pastoral yang dikeluarkan oleh Dikasteri Ajaran Iman yang menghuraikan "kemungkinan memberkati pasangan dalam situasi yang tidak biasa."



luruh umat manusia. Orientasinya adalah pada misi, dan praktiknya melibatkan pertemuan di setiap tingkat kehidupan Gerejawi."

3. Sinodaliti — konsep yang sukar?

Laporan sintesis mengakui, ramai orang masih sukar memahami "is-telah-sinodal" dan "sinodaliti".

Dokumen tersebut juga menjelaskan sinodaliti sebagai, "sinodaliti dapat difahami sebagai umat Kristiani yang berjalan dalam persekutuan dengan Kristus menuju Kerajaan Tuhan dan seluruh umat Tuhan dan se-

menerima perdamaian walaupun dalam konflik. "Kami warga Lubnan sentiasa mahu mengutuk kebencian, dendam dan keganasan.

"Kami mahu membina keamanan. Kami mampu melakukannya.

"Jika Sri Paus Fransiskus telah memilih pengampunan, kita juga boleh memilihnya!"

Tiada lagi penghormatan martabat manusia di Haiti

Salah seorang peserta Sinode, Uskup Agung Launay Saturné (gambar) dari Cap-Haïtien, Haiti, semasa sidang akbar pada Oktober 5, menyatakan negaranya hidup dalam keadaan tidak selamat yang kronik.



"Mereka yang sepatutnya membawa ketenteraman dan keamanan setakat ini tidak melaksanakan tanggungjawab mereka," katanya, yang kesal kerana martabat manusia jauh daripada kenyataan di Haiti.

Uskup Agung Launay sangat berterima kasih kepada Sri Paus Fransiskus atas perhatiannya terhadap peristiwa di Haiti.

Mengamanahkan golongan muda dengan pelayanan digital

Peserta Sinode menunjukkan "keperluan untuk berhubung dengan generasi baharu melalui pelayanan pastoral digital."

Contohnya ramai orang muda di Afrika mahir teknologi digital dan menjadi sebahagian daripada kebijaksanaan Gerejawi.

Cadangan dibuat untuk mempercayakan pelayanan belia secara tepat kepada golongan muda, bukannya kepada orang dewasa, "kerana mereka dapat berdialog dengan rakan sebaya yang terperangkap dalam 'zaman baharu' atau ideologi nihilistik."

Sinodaliti dengan orang miskin – teras Alkitab

VATIKAN: Kardinal Charles Maung Bo merayu agar keperluan golongan yang miskin dan menderita diutamakan. Seruan ini disuarakannya semasa perbincangan mengenai pembangunan asas sinodal, ketika sesi intervensi Sinode tentang Sinodaliti, Oktober 8 lalu.

Dalam ucapannya, Uskup Agung Yangon itu menekankan bahawa "sinodaliti dengan orang miskin adalah tema teras Alkitab."

Prelatus itu memetik perjumpaan Musa dengan Tuhan dan bagaimana Tuhan secara mendalam mengenal pasti perderitaan itu: "Tuhan mendengar jeritan orang yang menderita," kata Kardinal Bo, yang menge-



tuai Federasi Para Uskup Asia (FABC).

Katanya, "Penyertaan Tuhan terhadap orang-orang Israel adalah metafora penting bagi perjuangan berterusan manusia untuk maruah.

Kardinal Bo juga dikenali sebagai penyokong hak asasi manusia dan keadilan sosial, terutamanya sejak junta merampas menggulingkan kerajaan pada 2021.

Selama lebih dua dekad, Kardinal Bo telah menjadi suara utama untuk Gereja Katolik di Myanmar. Beliau sering menonjolkan perhatian kepada penganiayaan dan migrasi yang semakin meningkat, yang dihadapi oleh pengikut Kristian di

rantaui. Dengan menggunakan ajaran Perjanjian Baru, Kardinal Bo menekankan visi radikal Magnifikat, di mana Maria mewartakan Tuhan yang "mengangkat orang yang hina" dan merujuk misi Yesus untuk membebaskan orang yang tertindas.

"Perjalanan iman kita adalah panggilan tanpa kompromi untuk mengiktiraf maruah mereka yang hidup di tengah-tengah kemiskinan dan penderitaan," katanya.

Kardinal Bo menyifatkan kemiskinan sebagai bencana buatan manusia. Prelatus itu menyebut kemiskinan sebagai "pembunuhan beramai-ramai" di negara-negara miskin.

Secara sinis beliau menegaskan, kita merayakan Ekaristi di seluruh dunia tetapi 20,000 kanak-kanak mati kelaparan setiap hari. Kita memecah-mecahkan beribu-ribu roti di mezbah tetapi berjuta-juta kanak-kanak tidak mempunyai apa-apa untuk dimakan."

Prelatus itu menyeru Sinode untuk meneladani komitmen komuniti Kristian perdana yang berkongsi apa sahaja, sehingga mencairkan keangkuhan Empayar Roma. Tegasnya, "komuniti yang miskin dan rapuh boleh mengantikan kuasa dan kemuliaan." LiCas News

Sinode beri impak positif Gereja Katolik, Kristian dan dunia

VATIKAN: Kardinal Oswald Gracias dari Bombay menekankan kepentingan dialog antara agama dan peranan Asia dalam Sinode yang sedang berlangsung di Vatikan.

"Kami tidak lagi merujuk mereka sebagai agama bukan Kristian atau agama lain. Selepas Sinode peringkat benua, kami memanggil mereka sebagai 'agama jiran,'" kata prelatus itu dalam laporan oleh Konferensi para Uskup Katolik Filipina (CBCP).

Kardinal itu menekankan pendekatan Gereja terhadap agama lain memerlukan Gereja bertindak sebagai "pembina jambatan" dan untuk memupuk rasa hormat dalam penglibatan agama-agama yang berbeza.

"Dalam keakraban ini, kami bekerja bersama-sama, mencari Tuhan dan merayakan persahabatan kami," jelasnya yang merujuk kepada hasil perhimpunan 2022 Federasi para Uskup Asia di Bangkok.

Kardinal Gracias, yang juga ahli Majlis Kardinal Sri Paus Fransiskus menegaskan bahawa seruan Konsili Vatikan II untuk pemahaman yang lebih mendalam tentang agama lain seajar



dengan proses sinodal.

Dia menekankan bahawa warisan budaya Asia yang kaya boleh memberi manfaat besar kepada misi Gereja.

"Saya rasa ada kekayaan besar di Asia, di India, di Korea, di Jepun, semua negara ini. Budaya tempatan akan membantu kita, tanpa perlu memaksa menukar agama orang lain."

Kardinal itu juga membincangkan kesan media digital, di mana wakil belia semasa perhimpunan Asia 2022 telah menggalakkan para uskup untuk menerima era digital.

Menggambarkan semangat

kerjasama sinode, Kardinal Gracias menekankan kepentingan keterangkuman, dengan menyatakan, "Apa yang berhasil dan mendesak ialah kita perlu bekerjasama, menghormati orang awam, menghormati agama, menghormati pergerakan awam, menghormati kesucian pembaptisan setiap orang."

Kardinal Gracias menyatakan keyakinan tentang potensi impak sinode itu, "Saya merasakan bahawa sinode mempunyai kesan bukan sahaja dalam mengubah Gereja Katolik, tetapi juga Gereja-gereja Kristian dan dunia." LiCas news

Pergi dan Undanglah Semua Orang ke Perjamuan Itu

Tema yang saya pilih untuk Hari Misi Sedunia tahun ini diambil dari perumpamaan Injil tentang perjamuan perkahwinan (Mat. 22:1-14).

Setelah para tamu menolak undangan, raja, tokoh utama dalam cerita itu, berkata kepada hamba-hambanya:

“Kerana itu, pergilah ke persimpangan-persimpangan jalan dan undanglah setiap orang yang kamu jumpai ke perjamuan kahwin itu” (ayat 9).

Dengan merenungkan bahagian penting ini: dalam konteks perumpamaan dan kehidupan Yesus sendiri, kita dapat melihat beberapa aspek penting dalam evangeliisasi.

Hal ini muncul khususnya pada saat yang tepat bagi kita, sebagai murid yang diutus Kristus, iaitu pada tahap akhir perjalanan sinode ini, sesuai dengan moto



sinode, “Persekutuan, Partisipasi, Misi”, yang berupaya membuat Gereja kembali fokus pada tugas utamanya, iaitu **pe-wartaan Injil dalam dunia saat ini**.

Pergi dan Undanglah

Dalam perintah raja kepada para pelayannya, ada dua kata yang mengungkapkan teras misi iaitu kata kerja ‘pergilah’ dan ‘undanglah’.

Misi ialah perjalanan yang tak kenal lelah bagi semua orang, untuk mengundang mereka berjumpa dengan Tuhan dan masuk ke dalam persekutuan dengan-Nya, seperti Yesus, Gembala yang Baik dan utusan Bapa, keluar untuk mencari domba yang hilang’.

Melihat kepada perintah raja untuk

“mengundang”, ini ialah gambaran misi yang dipercayakan oleh Tuhan.

Bayangkan, para pelayan menyampaikan undangan raja dengan sangat mendesak tetapi mereka tetap menyampaikan undangan itu dengan penuh rasa hormat dan kebaikan.

Umat Kristian pada ketika ini, harus melakukan hal yang sama: mereka dipanggil untuk mewartakan Injil dengan “sukacita, kemurahan hati dan kebijakan yang merupakan buah Roh Kudus dalam diri mereka.”

Perjamuan raja melambangkan perjamuan syurgawi: “ini adalah gambaran keselamatan tertinggi dalam Kerajaan Tuhan.”

Merujuk pada fakta bahawa ramai

umat Kristian mula percaya bahawa Kedatangan Kristus yang kedua kali akan segera terjadi, menandakan mereka mempunyai “memiliki dimensi eskatologis yang kuat”. Mereka merasakan pentingnya pemberitaan Injil.

Saat ini juga penting untuk mempertahankan perspektif ini.”

Namun, pada masa yang sama, kita tidak boleh mengabaikan perjamuan Ekaristi”.

Oleh sebab itu, undangan ke perjamuan eskatologis yang kita bawa kepada semua orang dalam misi evangeliisasi, secara intrinsik berkait rapat dengan undangan ke meja Ekaristi, di mana Tuhan memberi makan kita dengan firman-Nya dan dengan Tubuh dan Darah-Nya.”



Perjamuan Perkahwinan

Perjamuan perkahwinan mengingatkan kita pada dua dimensi misi iaitu dimensi eskatologis (dimensi yang berkaitan dengan akhir zaman) dan Ekaristi.



Setiap Orang

Fakta bahawa raja menyampaikan undangannya kepada ‘semua orang’ adalah inti misi “bahawa ‘semua’, tidak ada seorang pun yang dikecualikan”.

Murid-murid Kristus “selalu harus mempunyai kepedulian yang tulus terhadap semua orang, apa pun status sosial atau moral mereka.”

“Tuhan, Juruselamat kita yang menghendaki supaya semua orang diselamatkan dan memperoleh pengetahuan akan kebenaran” (1 Tim. 2:4).

Oleh sebab itu, jangan pernah kita lupa bahawa dalam kegiatan-kegiatan misi kita, kita diminta untuk mewartakan Injil kepada semua orang.

Dalam perumpamaan tersebut, raja



memerintahkan para pelayannya untuk mengumpulkan “semua orang yang mereka temui, sama ada orang baik mahupun yang jahat, termasuk mereka yang miskin, cacat, buta dan lumpuh”.

“Misi untuk semua memerlukan komit-

men semua orang. Kita perlu melanjutkan perjalanan kita menuju Gereja yang sepenuhnya sinodal dan bersifat misionari dalam pelayanan Injil. Sinodaliti pada dasarnya bersifat misionari oleh itu misi selalu bersifat sinodal.

Ratapan ke Syurga memohon keamanan

Setahun yang lalu, serangan pengganas yang tidak berperikemanusiaan Hamas terhadap warga Israel, kebanyakannya orang awam—kanak-kanak, orang muda, orang tua, seluruh keluarga—membawa dunia semakin hampir ke jurang perang dunia ketiga.

Kita mengingati Ukraine yang dicemari dan dicerobohi oleh Rusia serta banyak lagi perangan yang mengerikan. Ditambah lagi dengan dramatik konflik Israel-Palestine yang tidak pernah padam.

Peristiwa tragis pembunuhan beramai-ramai itu, yang mengorbankan lebih seribu nyawa, diburukkan lagi dengan ujian yang menyayat hati dan masih belum dapat diselesaikan iaitu mereka yang menjadi tebusan, yang kebanyakannya telah dibunuh pada bulan-bulan berikutnya.

Betapa tragisnya, akibat tindak balas Israel, yang membawa kepada kemasuhan besar di Gaza dan meragut hampir 42,000 nyawa, termasuk beribu-ribu kanak-kanak.

Beratus-ratus ribu orang telah kehilangan tempat tinggal dan kehilangan tempat berlindung, hidup dalam keadaan tidak menentu, menunggu gencatan senjata, dan sentiasa takut bom seterusnya atau dron pembunuh yang pastinya mengakibatkan kematian orang awam yang tidak bersalah.

Pelaksanaan “hukuman mati” yang disasarkan dengan pengeboman, peluru berpandu yang dilepaskan ke arah Israel oleh militia Hizbullah dari Lubnan dan kemudian oleh Iran, pencerobohan tentera Israel ke atas Lubnan: peristiwa-peristiwa ini menandakan peningkatan keganasan yang nampaknya tiada penghujungnya.

Kerajaan tidak mampu menamatkan pembunuhan beramai-ramai di Timur Tengah, serta perang berdarah yang melanda Ukraine.

Walaupun jumlah yang besar dibelanjakan untuk perlumba senjata, diplomasi jelas tidak hadir di kancang antarabangsa. Politik senyap, dan perkataan seperti “rundingan” dan “dialog” hampir senyap. Tiada siapa yang nampaknya dapat menghentikan lingkaran keganasan yang belum pernah berlaku sebelum ini.

Pada ulang tahun pertama pembunuhan beramai-ramai, Oktober 7, 2023, pada hari Gereja merayakan Bonda Maria Ratu Rosari, Sri Paus Fransiskus telah menyeru hari khas untuk berdoa dan berpuasa bagi keamanan.

Sepanjang bulan-bulan ini, Uskup Roma itu tersus menjerit, meskipun tidak diendahkan, menyeru gencatan senjata dan jalan menuju kedamaian.

Dalam doanya untuk perdamaian pada Oktober 7, 2024, Sri Paus membawa kesedihan dan harapan orang yang mengalami konflik serta peperangan, kepada Perawan Maria yang Diberkati.

Bapa Suci yang duduk di kaki ikon kuno Maria *Salus Populi Romani*, mengucapkan, “Kami mengangkat pandangan kami kepada mu, menyelami mata mu, dan mempercayakan diri kami pada hati mu,” yang menyatakan kepercayaannya terhadap Bonda Maria, Bonda Kristus yang amat dekat dengan mereka yang menderita.

Bapa Suci berkata, manusia pada masa ini sangat memerlukan pandangan kasih sayang Bonda Maria, yang juga menyeru kita untuk mempercayai Puteranya, Yesus Kristus.

Pada Oktober 7 lalu, doa itu menjadi lebih kolektif dan diarahkan ke Syurga, dengan harapan bahawa Tuhan akan membuka hati para pemimpin negara, membawa kepada “rundingan jujur” dan “kompromi terhormat” bagi menamatkan kegiatan perang.

Kerana walaupun kita hidup dalam keamanan yang tidak sempurna dan rapuh tetapi ia adalah lebih baik daripada kengerian perang. **Andrea Tornielli, Media Vatikan**

Kita berdoa agar Gereja terus mengekalkan gaya hidup Sinode dalam semua cara, sebagai tanda tanggungjawab bersama, mempromosikan penyertaan, persekutuan dan misi yang dikongsi dalam kalangan paderi, religius dan orang awam.

Oktoper 20, 2024

Katolik komited melindungi kanak-kanak dan mereka yang rapuh

KRUBONG, Melaka: Seramai 70 peserta menyertai taklimat “Melindungi Kanak-kanak Dan Mereka Yang Lemah (Safe-guarding of Minors and Vulnerable Persons)” di paroki Our Lady of Guadalupe, Krubong, Melaka pada September 29, lalu.

Taklimat ini dimulakan dengan sesi, “Pengenalan dan Kesedaran” oleh Pn Anne Vergis, seorang Dekan Undang-undang di University of Reading, Malaysia.

Menurutnya, masih ramai ibu bapa dan penjaga yang kurang sedar kesan jenayah antun seksual (*sexual grooming*). Oleh sebab itu, dalam sesinya, Pn Anne menerangkan pendidikan dan kesedaran tentang penderaan seksual kanak-kanak amat penting bagi melindungi mereka.

Ini boleh dilakukan melalui program pendidikan, kampen, sumber, memperken-

sakan kanak-kanak, ibu bapa dan komuniti untuk mengenal pasti, mengelak dan melaporkan apabila berlakunya penderaan.

Penderaan seksual boleh jadi secara fizikal atau tingkah laku tanpa sentuhan, yang selalunya bermula dengan proses antun seksual (*sexual grooming*).

Pengantunan seksual merupakan perlakuan penjenayah seksual untuk memanipulasi dan mengeksplorasi kanak-kanak sebagai mangsa seksual mereka. Antun seksual boleh berlaku dalam talian dan di luar talian. Oleh itu, semua pihak perlu peka demi melindungi golongan kanak-kanak.

Pn Anne mengakhiri taklimatnya bahawa dengan bekerjasama dan berwaspada, kita boleh mencipta dunia yang selamat untuk anak-anak kita.



Topik kedua, “Kesan Medik & Psikologi terhadap mangsa dan pelaku” disampaikan oleh Dr Rachel Samuel, pensyarah senior UiTM, Kampus Melaka yang juga merupakan seorang kaunselor dalam Pelayanan Kaunseling Keuskupan Melaka Johor.

Beliau menerangkan kesan-kesan fizikal, emosi serta kesan jangka panjang yang dialami oleh mangsa penderaan.

Sesi “Undang-undang negara yang berkaitan dengan perlindungan kanak-kanak” di sampaikan oleh Diakon Anthony Chua, yang juga seorang peguam dan wakil

daripada Professional Standards Office (PSO) Keuskupan Melaka Johor.

Beliau juga menarik perhatian hadirin tentang prinsip “kepentingan terbaik kanak-kanak” dalam isu penjagaan dan perlindungan kanak-kanak.

Keutamaan perlu diberi kepada kesejahteraan dan keadilan mangsa penderaan termasuk ahli keluarga mereka dan bukannya imej institusi Gereja.

Taklimat diakhiri dengan “Kaedah Pelaporan di dalam paroki” oleh Diakon Anthony Chua. Jennifer Jinam



Peserta PAX 2024 diseru berjalan dalam harapan menuju MPC 2026

Liza Magnus

KOTA KINABALU: “Wahai 637 peserta Perhimpunan PAX 2024, bersukacitalah kerana nama mu sudah tertulis di syurga!” kata Kardinal Sebastian Francis semasa memimpin Misa penutup Perhimpunan PAX, baru-baru ini di Katedral Hati Kudus, Karamunsing.

Para peserta dari 23 paroki dan 11 badan komisi di Keuskupan Agung Kota Kinabalu, telah menyertai perhimpunan PAX atau *Pastoral Constitution of the Catholic Church in Sabah* bermula Oktober 3 hingga 5 Oktober yang lalu.

Perhimpunan PAX adalah satu-satunya perhimpunan pastoral Keuskupan Agung di mana uskup, paderi, religius dan pemimpin awam berkumpul sebagai sebuah keluarga besar untuk mendengar, menilai dan mencadangkan tindakan terhadap perkara-perkara berkaitan dengan perjalanan ke-

hidupan Gereja.

Pada hari pertama PAX, yang bertema “Meraikan dan Mendengar”, dimulakan dengan para liturgi yang dipimpin oleh Fr Thomas Madanan. Ini diikuti dengan kata alu-aluan dari Uskup Agung John Wong.

Uskup Agung John yang gembira melihat ratusan kehadiran para peserta menerangkan bahawa perhimpunan PAX kali ini mempunyai beberapa kelainan:

1. Selalunya Perhimpunan PAX dilakukan di Pusat Retret Bundu Tuhan. Kali ini diadakan di Dewan Katedral Sacred Heart, KK dengan penyertaan yang lebih ramai.
2. Format penyampaian sesi juga berbeza. Tidak lagi menggunakan seorang pembicara yang menguasai pentas, tetapi PAX kali ini melibatkan semua peserta untuk berkongsi dan mendengar khususnya dalam Perbualan Rohani.

Setelah menghadiri beberapa perhimpunan kluster beberapa bulan lalu, Uskup Agung John menyedari setiap paroki di bawah naungan Keuskupan Agung KK mempunyai sejarah penyelamatan yang unik.

“Alangkah sayangnya sejarah ini disimpan begitu sahaja. Oleh itu, Perhimpunan PAX 2024 menampilkan sejarah kedatangan Berita Baik di semua paroki Keuskupan Agung KK dalam bentuk video, tidak lebih dari 10 minit, bagi tujuan pembelajaran bersama sebagai sebuah keluarga besar dalam PAX ini,” kata Uskup Agung John di mana langkah itu seiring dengan apa yang dikatakan oleh Sri Paus Santo

Yohanes Paulus II, “Mengingati masa lalu dengan rasa bersyukur (sejarah), hidup pada masa kini dengan semangat dan memandang masa depan dengan keyakinan.”

Maka pada hari pertama dan masa pertama pada hari kedua PAX, para peserta menonton video dari 23 paroki, yang memuatkan kandungan sejarah penyelamatan, cabaran yang mereka hadapi dalam empat bidang utama: Gereja, Sosial, Masyarakat dan Ekologi serta pelan tindakan paroki dalam menangani cabaran-cabaran tersebut.

Kardinal Sebastian, tiba pada hari terakhir Perhimpunan PAX untuk menyampaikan sesi tentang “Konvensyen Pastoral Malaysia 2026 (MPC2026).”

Dengan tema Konvensyen Pastoral Malaysia 2026, marilah kita: Merayakan, Mendengar dan Berjalan bersama dalam semangat sinodal iaitu Persekutuan, Penyertaan dan Misi menuju MPC 2026.”

Kardinal Sebastian juga mengumumkan beberapa peristiwa penting yang bakal menjadi sejarah Gereja Katolik Malaysia iaitu:

- Perhimpunan Belia Malaysia pada April 1-5 2025, di Kota Kinabalu Sabah.
- Pelancaran Perjalanan Salib Malaysia, bermula di Perhimpunan Belia di Sabah yang akan menziarahi sembilan keuskupan/agung di Malaysia dan berakhir pada MPC2026, di pusat MAJODI, Johor.

- Perhimpunan Pastoral Serantau Sabah pada Mei, 2025, di Kota Kinabalu.
 - Ulang Tahun ke-360 Kolej General Pulau Pinang pada Sept 28 - Oktober 1, 2025.
 - Kongres Misi Asia kali kedua pada November 13-16, 2025 di Basilika Kecil, Sta Anna, Pulau Pinang
 - Ogos 2026: MPC kali pertama dan kemuncak perjalanan Salib Malaysia di MAJODI, Johor.
 - Hari Belia Sedunia di Korea Selatan pada tahun 2027 yang bertema “Tabahlah! Aku telah mengalahkan dunia.” (Yoh 16:33).
- Satu perkara yang dipuji dalam perhimpunan PAX 2024 ialah penerapan prinsip ekologi, di mana tidak ada penggunaan plastik dan polistirena, lebih-lebih lagi selepas Uskup Agung John mengisyaratkan Keuskupan Agung KK sebagai Keuskupan Agung Ekologi pada September 28, 2024.

